

Punca gagal dalam perniagaan **Pengusaha kecil terlalu 'manja'**

Oleh DELAILA HUSSAIN

KUALA LUMPUR, Rabu --- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, industri kecil di negara ini tidak berkembang seperti yang diharapkan kerana sikap negatif pengusaha industri kecil sendiri yang mahu kerajaan terus menghulurkan bantuan kepada mereka.

Antaranya, mereka mahu supaya kerajaan terus menyediakan bantuan seperti kemudahan pengecualian cukai dan kemudahan asas yang berlebihan.

Perdana Menteri berkata, sebahagian besar pengusaha kecil juga gagal mengamalkan cara pengurusan yang baik.

"Mereka tidak dapat mengusahakan perniagaan mereka dengan berkesan dan kerap mengalami kerugian," katanya ketika merasmikan Menara Bank Pembangunan di sini hari ini.

Beliau menasihatkan pengusaha kecil bekerja bersungguh-sungguh, berjimat cermat dan menguruskan perniagaan dengan bertanggungjawab serta cekap untuk memastikan kejayaan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata walaupun kemajuan industri kecil tidak memuaskan, kerajaan akan terus memberi galakan kepada sebarang usaha yang dapat meningkatkan lagi bilangan industri kecil milik Bumiputera di negara ini.

Menurutnya, kerajaan mahu meningkatkan bilangan industri kecil di negara ini kerana ia lebih mudah disertai oleh Bumiputera dan menjadi tapak permulaan yang bermakna bagi mereka menyertai kegiatan industri yang lebih besar.

Perdana Menteri juga berharap semua agensi awam yang bertanggungjawab terhadap industri kecil, termasuk Bank Pembangunan Malaysia Bhd (BPMB), akan berusaha mewujudkan hubungan rapat dengan agensi-agensi penyelidikan.

Agensi-agensi itu ialah Institut Penerimaan dan Penyelidikan Perindustrian (Siprim), Institut Penyelidikan Pertanian Ma-

laysia (Mardi), Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRI) dan Institut Penyelidikan Kelapa Sawit Malaysia (Porim).

"Agensi-agensi penyelidikan ini mungkin dapat membantu usaha meningkatkan piawaian atau mutu keluaran serta memperbaiki rekabentuk dan mutu keluaran barangan industri kecil," tegasnya.

Beliau menegaskan semua faktor ini penting untuk meningkatkan kemampuan bersaing keluaran negara, terutama barangan eksport.

Beliau juga mengingatkan bahawa kemampuan kerajaan untuk membantu adalah terhad.

"Terpulanglah kepada pengusaha atau peniaga menentukan kejayaan masing-masing. Perniagaan yang berjaya tidak semestinya membabitkan pelaburan sehingga berjuta-juta ringgit," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Kita harus ingat bahawa perniagaan yang besar walaupun mungkin memberi keuntungan yang besar, tetapi apabila rugi, kerugiannya juga besar."
